KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JPSM			

Negeri kekal hutan simpan untuk tadahan air dapat pampasan

Bera: Kerajaan bersetuju memberi pampasan kepada negeri yang mengekalkan hutan simpan sebagai kawasan tadahan air dan melindungi daripada sebarang kegiatan pembalakan haram.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan melalui kementerian berkaitan akan mengkaji formula sesuai bagi menetapkan jumlah pampasan berkenaan.

"(Formula) jumlah pampasan itu mungkin boleh dibincangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man serta Menteri Besar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Pemerkasaan Pendigitalan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Kebangsaan di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera di sini, semalam.

Hadir sama Mustapa, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dan timbalannya Datuk Zahidi Zainul Abidin serta Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Terdahulu, Wan Rosdy ketika pada majlis berkenaan berkata, pihaknya berharap Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan ganjaran kepada Pahang memandangkan negeri itu merizabkan hutan simpan sebanyak lebih 57 peratus.

BERNAMA



Langkah kekalkan hutan simpan sebagai kawasan tadahan air dapat melindungi daripada sebarang kegiatan pembalakan haram. (Foto hiasan)

BH 22.11.2021_18